

## Siaran Berita

# Malaysia: Dakwa Pegawai Terlibat dengan Pmerdagangan Etnik Rohingya dan Salah Laku Siasatan

Laporan "sulit" jelaskan salah laku siasatan pmerdagangan manusia di Wang Kelian

(KUALA LUMPUR, 18 Oktober 2022)—Pihak berkuasa Malaysia seharusnya mendakwa pegawai yang terlibat dengan gejala pmerdagangan pelarian Rohingya di Wang Kelian, termasuk mereka yang cuai secara jenayah dalam siasatan polis, ujar Fortify Rights. Kerajaan Malaysia gagal mengeluarkan secara umum laporan akhir Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai penemuan kubur besar dan kem pmerdagangan manusia pada tahun 2015 di Wang Kelian. Pengerusi Suruhanjaya RCI juga mengatakan bahawa laporan tersebut tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi. Walaubagaimanapun, laporan tersebut baru-baru ini disiarkan di laman web Kementerian Dalam Negeri.

Ketika siaran berita ini ditulis, [laporan RCI versi Bahasa Malaysia](#) masih boleh didapati di laman web Kementerian Dalam Negeri. Laporan versi Bahasa Inggeris hanya boleh [dipaut sementara](#) waktu sahaja sebelum dialih keluar daripada laman web tersebut pada awal September. Fortify Rights memiliki kedua-dua versi laporan tersebut.

"Kemunculan senyap laporan tersebut secara atas talian, tanpa diketahui oleh pihak berkepentingan utama di dalam negara, menimbulkan persoalan tentang keadilan dan akauntabiliti terhadap mangsa pmerdagangan manusia yang melibatkan Rohingya," kata Matthew Smith, CEO Fortify Rights. "Sebagai respons terhadap laporan RCI dan untuk mangsa dan keluarga, kerajaan Malaysia perlu beri pampasan dan mendakwa pegawai-pegawai yang terlibat dalam Wang Kelian."

Laporan RCI [mendapati](#) bahawa pegawai tersebut boleh [mengelakkan seksaan dan kematian mangsa pmerdagangan warga Rohingya dan Bangladesh](#) dan kecuiaan rasmi mereka telah menghalang pengesanan dan siasatan sewajarnya daripada dijalankan keatas sindiket pmerdagangan manusia.

Fortify Rights telah berhubung dengan dua ahli Parlimen Malaysia, seorang bekas ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), dan seorang pengerusi NGO antarabangsa tentang kewujudan laporan akhir RCI di atas talian - namun semuanya tidak ketersediaan laporan tersebut walaupun ia sudah diserahkan kepada pihak kerajaan tiga tahun yang lepas. Hal ini hanya menambahkan lagi kekeliruan terhadap ketelusan dapatan laporan tersebut.

Pada 27 Januari 2019, kerajaan Malaysia mengumumkan penubuhan RCI dengan tujuh ahli - badan siasatan tertinggi negara ini - diketuai oleh bekas Ketua Hakim Malaysia Arifin Zakaria dan melibatkan bekas Ketua Polis Negara Norian Mai dan lain-lain bekas dan pegawai terpilih kerajaan. Mereka ditugaskan untuk menyiasat kes pmerdagangan manusia dan kubur besar yang ditemui di Wang Kelian. Suruhanjaya ini diberi tempoh enam bulan untuk menyerahkan laporan akhirnya berserta cadangan.

## Siaran Berita

Sepanjang tempoh siasatan, RCI memanggil 48 saksi, termasuk pegawai polis, pakar forensik, dan mangsa etnik Rohingya yang terselamat. Fortify Rights dan SUHAKAM juga berkongsi bukti daripada sebuah [siasatan bersama pemerdagangan etnik Rohingya](#) dari Myanmar dan Bangladesh kepada Suruhanjaya tersebut.

Pada Januari 2020, tiga bulan setelah laporan akhir itu diserahkan, Perdana Menteri ketika itu Muhyiddin Yassin telah [mengumumkan](#) bahawa, "Kementerian [Dalam Negeri] akan bantangan laporan tersebut kepada Kabinet minggu depan, dan jika Kabinet bersetuju, kita akan siarkan laporan tersebut kepada umum."

Sejak itu, tiada sebarang pengumuman disediakan mengenai laporan tersebut hinggalah 19 Julai 2022, ketika Menteri Dalam Negeri, Hamzah Zainuddin, sebagai respon kepada sebuah [soalan parlimen](#) yang diajukan Lim Lip Eng, menyatakan bahawa Kabinet telah mengesahkan laporan RCI tersebut pada Jun 2020. Namun, pada 5 Ogos 2022, Pengerusi RCI, Arifin Zakaria memberitahu media bahawa laporan tersebut adalah sulit dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

"Sebenarnya, hal yang rahsia mengenai laporan ini berkaitan keterlibatan pejawat awam dengan kem pemerdagangan tersebut, justeru langkah seterusnya harus melibatkan pendakwaan," kata Matthew Smith. "Pihak berkuasa perlu mengambil perhatian bahawa terdapat sejumlah besar etnik Rohingya telah dibunuh serta diperdagang untuk mengaut untung di Malaysia. Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah untuk mengemukakan keadilan dan kebertanggungjawaban, bukan untuk menamatkan perbincangan atas jenayah ini."

Dalam laporan sepanjang [212 muka surat](#), RCI mendapati bahawa penyeksaan dan kematian pelarian Rohingya dan di Wang Kelian "boleh dielakkan" oleh pihak berkuasa. Malaysia gagal untuk mematuhi tatacara pengendalian piawai mereka sendiri, dan hal ini telah menyebabkan impak besar terhadap kualiti siasatan di Wang Kelian.

Laporan tersebut menyatakan bahawa pihak berkuasa menemui 'kem-kem maut' pada 19 Januari 2015, tetapi mereka hanya mengambil tindakan pada 6 Mac 2015. Kemudian, mereka mengambil masa beberapa bulan lagi untuk memulakan penggalian forensik penuh terhadap kubur-kubur tersebut dan bedah siasat mangsa. Operasi itu hanya dijalankan pada 24 Mei 2015.

Laporan menjelaskan bahawa kelewatan itu disebabkan arahan untuk "menangguhkan" sebarang siasatan tentang kubur tersebut yang dikeluarkan Zul Aznam bin Haron, Ketua Polis Negeri Perlis. Zul Aznam bin Haron menyatakan kepada RCI bahawa beliau bertindak mengikut arahan Ketua Polis Negara ketika itu Khalid bin Abu Bakar. Ketika disoal oleh RCI, Khalid bin Abu Bakar mendakwa bahawa arahan untuk menangguhkan siasatan selama lebih dari empat bulan dikeluarkan kerana beliau "tidak dapat memastikan sama ada lokasinya di Malaysia atau Thailand."

## Siaran Berita

Persoalan sama ada kem pemerdagangan terletak di kawasan Malaysia atau Thailand seharusnya menggerakkan siasatan segera, bukan menanggungkannya, kata Fortify Rights.

Ekoran tangguhan tersebut, pakar forensik hanya boleh mengenal pasti punca kematian untuk dua daripada 114 mangsa yang ditemu. Ketika disoal siasat oleh RCI, seorang pakar forensik yang terlibat dengan kes tersebut mendakwa bahawa jika bedah siasat dijalankan lebih awal, beliau "yakin perbezaan dalam penentuan identiti dan punca kematian mayat tersebut."

Laporan RCI tersebut juga mendapati bahawa kecuaiian yang teruk telah berlaku dalam cara pengumpulan maklumat, penyelarasan rentas sempadan, pengendalian tinggalan mayat dan bukti-bukti lain. Meskipun RCI mendapati bahawa terdapat kegagalan dan kecuaiian serius, laporan itu tidak mencadangkan tindakan undang-undang terhadap pegawai yang terlibat mahupun siasatan penuh untuk mengesahkan keterlibatan rasmi dalam sindiket pemerdagangan manusia yang bertanggungjawab keatas kekejaman ini.

Siasatan dan penguatkuasaan undang-undang seharusnya diambil terhadap pegawai-pegawai Malaysia yang berkemungkinan menghalang keadilan melalui kecuaiian dalam pengendalian siasatan terhadap penyeksaan dan pembunuhan mangsa pemerdagangan manusia di Wang Kelian, kata Fortify Rights.

Antara tahun 2012 dan 2015, [dianggarkan](#) seramai 170,000 lelaki, wanita dan kanak-kanak telah menaiki kapal dari Myanmar dan Bangladesh menuju ke Malaysia melalui selatan Thailand. Kebanyakan mereka ialah pelarian etnik Rohingya yang ingin melepaskan diri daripada [penindasan sistematik](#) dan [genosid](#) di Myanmar.

Pada 21 April 2015, Fortify Rights [memberikan keterangan di Kongres Amerika Syarikat](#) atas pemerdagangan etnik Rohingya ke Thailand dan Malaysia, di mana Fortify Rights juga mendedahkan kewujudan kem pemerdagangan manusia di kawasan sempadan kedua-dua negara. Sembilan hari kemudian, pada 30 April 2015, pihak berkuasa Thailand mengumumkan penemuan kem pemerdagangan dan kubur besar berhampiran sempadan Malaysia. Kubur tersebut mengandungi lebih daripada 30 mayat yang disyaki mangsa pemerdagangan etnik Rohingya beragama Islam dan warga Bangladesh.

Pada 25 Mei 2015, polis Malaysia mengumumkan penemuan 139 kubur dan 28 kawasan kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian, Perlis, Malaysia.

Berikutan siasatan bertahun-tahun dan lebih daripada 270 keterangan daripada mangsa terselamat dan saksi kejadian, [sebuah laporan sepanjang 121 muka surat](#) telah dikeluarkan oleh Fortify Rights dan SUHAKAM. Laporan tersebut mendedahkan pencabulan hak asasi manusia terhadap etnik Rohingya yang diperdagang dari Myanmar dan Bangladesh ke Malaysia pada tahun 2012 hingga 2015. Antara penderaan yang didedah Fortify Rights dan SUHAKAM termasuklah pemenjaraan, penyeksaan, ugutan, kematian akibat kelaparan, pemerkosaan dan pembunuhan di atas darat dan di laut. Laporan tersebut mendapati bahawa pihak berkuasa Malaysia menghalang keadilan dengan memusnahkan bukti dan menanggungkan pengeluaran mayat mangsa. Kenyataan ini juga disokong hasil dapatan laporan RCI.

## Siaran Berita

Meskipun dengan pendedahan ini, sejak tahun 2015, mahkamah Malaysia hanya menjatuhkan hukuman keatas lima individu, empat antaranya bukan warganegara Malaysia, untuk kesalahan berkaitan Wang Kelian. Tiada pegawai yang dibawa ke muka pengadilan berkaitan dengan jenayah tersebut.

Sebaliknya, pada tahun 2019, pihak berkuasa Thailand memulakan **pembicaraan pemerdagangan manusia yang terbesar** dalam sejarah negara tersebut. Berhubung dengan prosiding ini, mahkamah Thailand menjatuhkan hukuman keatas 76 orang defendan, termasuk sembilan pegawai untuk jenayah berkaitan pemerdagangan etnik Rohingya dan Bangladesh ke Malaysia dari Thailand.

Laporan tahunan **Trafficking in Persons (TIP)** terbitan Jabatan Negara Amerika Syarikat meletakkan Malaysia di tahap terendah daripada tiga tahap mengenai usaha untuk mencegah, menghapus, dan memulih pemerdagangan manusia untuk dua tahun berturut-turut. Laporan TIP tahun 2022 menyatakan bahawa, "Kerajaan Malaysia tidak memenuhi piawaian minimum untuk menghapuskan pemerdagangan dan tiada tindakan sewajar dijalankan untuknya." Laporan TIP tersebut juga menyatakan bahawa pihak berkuasa Malaysia "tidak melapor untuk memulakan sebarang pendakwaan atau sabitan baharu kepada penjawat awam yang dituduh bersubahat dalam jenayah pemerdagangan. Walaupun agensi penguatkuasa terus menahan pegawai yang bersubahat dalam pemerdagangan tersebut, pengumpulan bukti yang tidak mencukupi menyebabkan pegawai ini tidak dibawa ke muka pengadilan."

Pada tahun 2009, Malaysia menyertai Konvensyen PBB mengenai Jenayah Terancang (UNTOC) dan Protokolnya untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang Terutama Wanita dan Kanak-Kanak. Melalui penyertaannya dalam UNTOC dan protokolnya, Malaysia bersetuju untuk mencipta mekanisme untuk mendakwa pemerdagangan orang, membolehkan siasatan insiden pemerdagangan manusia dalam konteks rentas sempadan, dan memberi khidmat sokongan kepada mangsa. UNTOC dan protokolnya membenarkan mangsa untuk menerima akses kepada perlindungan daripada ugutan, tindak balas, dan intimidasi serta seharusnya menerima pampasan dan pemulihan semula. Protokol tersebut membenarkan penglibatan berkesan mangsa dalam prosiding undang-undang. Selain itu, sebagai negara pihak kepada konvensi ini, Malaysia berkewajipan untuk menyokong pemulihan fizikal, psikologi dan sosial mangsa pemerdagangan manusia melalui perumahan bersesuaian, kesedaran undang-undang, bantuan kesihatan, bantuan barangan, bantuan psikologi, dan peluang menjana pendapatan.

Pada tahun 2007, Malaysia meluluskan Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran yang menjenayahkan pemerdagangan manusia dan membutirkan tanggungjawab siasatan bagi pegawai kuatkuasa.

Menurut Seksyen 201 Kanun Keseksaan Malaysia, aktiviti yang "menyebabkan hilangnya keterangan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan, atau memberi maklumat palsu, bagi mengelakkan pesalah daripada seksaan" boleh dihukum penjara dan dikenakan denda.

## Siaran Berita

Seksyen 217 juga menetapkan penjara dan denda penjawat awam yang mengingkari arahan undang-undang dengan niat untuk menyelamatkan orang lain daripada seksaan. Serupa dengan itu, Seksyen 218 menetapkan penjara dan denda penjawat awam yang memberi laporan palsu dengan niat untuk menolong orang lain mengelak hukuman.

Akhirnya, peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berfungsi mengawal selia salah laku penjawat awam, termasuk mengawasi kecuaiian dalam menjalankan tugas dan kelakuan yang memburukkan nama khidmat awam.

Pegawai-pegawai Malaysia yang menyalah urus kes Wang Kelian menunjukkan kecuaiian dalam tugas mereka, dan yang lebih pentingnya, telah menghalang keadilan terhadap mangsa pemerdagangan manusia dan ahli keluarga mangsa melalui tindakan mereka, kata Fortify Rights.

"Malaysia masih belum menjadikan mana-mana pegawai untuk bertanggungjawab dan ini memberi nama buruk kepada negara," ujar Matthew Smith. "Pemerdagangan Rohingya ke Malaysia telah berleluasa dan bersistem. Keadaan ini mendesak keperluan untuk hal keadilan, kebertanggungjawaban, dan pampasan buat mangsa dan keluarga mereka."

### Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Matthew Smith, Chief Executive Officer, Fortify Rights

+66 85 028 0044 (Thailand; WhatsApp)

+1 202 503 8032 (U.S.)

Email: [Matthew.Smith@FortifyRights.org](mailto:Matthew.Smith@FortifyRights.org)

Twitter: [@MatthewFSmith](https://twitter.com/MatthewFSmith), [@FortifyRights](https://twitter.com/FortifyRights)

Patrick Phongsathorn, Human Rights Advocacy Specialist, Fortify Rights

+66 94 696 8477, (Thailand) (Thai; English)

Email: [Patrick.Phongsathorn@FortifyRights.org](mailto:Patrick.Phongsathorn@FortifyRights.org)

Twitter: [@Patrick\\_Phongsa](https://twitter.com/Patrick_Phongsa), [@FortifyRights](https://twitter.com/FortifyRights)